
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SAU309 – Hubungan Etnik dan Rasisme

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A – Wajib dijawab

SOALAN 1

1. Konsep etnik sebagai kotak lawan sebagai batas. (20 markah)
2. Konsep etnik sebagai akibat lawan sebagai sebab dan akibat. (20 markah)
3. Kejahilan bersama. (20 markah)
4. Tahap penganalisaan ikatan individu lawan ikatan kumpulan. (20 markah)
5. Hubungan dua individu etnik yang berlainan sebagai perhubungan etnik lawan perhubungan sosial. (20 markah)

...2/-

BAHAGIAN B - Pilih DUA (2) soalan sahaja.SOALAN 2

1. Apakah ciri-ciri bangsa Malaysia yang menjadi idaman anda. (30 markah)
2. Cadangkan satu dasar pembangunan negara yang boleh memupuk bangsa Malaysia dengan mengambilkira kepentingan setempat. (30 markah)
3. Nyatakan penghalang-penghalang utama kepada berlakunya kebutaan di kalangan masyarakat Malaysia dari pelbagai etnik tentang arah dan tahap perhubungan etnik di Malaysia pada hari ini. (40 markah)

SOALAN 3

1. Gariskan jati diri satu kumpulan etnik di Malaysia. (30 markah)
2. Apakah pengaruh-pengaruh sosial di Malaysia yang boleh dikenalpasti dapat mengubah jati diri kumpulan etnik pilihan anda di atas itu? (30 markah)
3. Persaingan di antara kumpulan etnik sering menebalkan batas kumpulan etnik. Apakah bentuk kegiatan-kegiatan politik dan ekonomi yang anda ingin ketengahkan untuk memastikan mereka boleh bersaing di antara satu sama lain tanpa menebalkan batas kumpulan etnik mereka. (40 markah)

SOALAN 4

1. Nyatakan andaian teori pilihan rasional tentang tingkah laku manusia. (30 markah)
2. Nyatakan teori pilihan rasional tentang perhubungan ras dan etnik. (30 markah)
3. Apakah kekuatan teori pilihan rasional tentang perhubungan ras dan etnik jika dibandingkan dengan teori sosiologi masakini tentang perhubungan ras dan etnik. (40 markah)